



KHBAR	:	KOSMO			
TARIKH	:	23/12/2016	MUKA SURAT	:	8
JABATAN	:	NRE / BAUKSIT / BMG			
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN			

Moratorium bauksit di Pahang dilanjutkan hingga 31 Mac



PUTRAJAYA - Kabinet bersetuju moratorium terhadap aktiviti perlombongan dan eksport bauksit di Kuantan, Pahang yang sepatutnya berakhir 31 Disember ini dilanjutkan selama tiga bulan lagi sehingga 31 Mac 2017.

Lanjutan moratorium bagi tempoh kali keempat sejak 15 Januari

lalu bagi membolehkan sejumlah 2.95 juta tan stok simpanan bauksit dibawa keluar.

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar (*gambar*) berkata, kegagalan proses pengosongan stok simpanan bauksit dalam tempoh yang ditetapkan disebabkan

ketidakupayaan pengusaha untuk mematuhi semua syarat bagi memindahkan bauksit berkenaan ke Pelabuhan Kuantan.

“Dengan lanjutan moratorium itu, diharap pengosongan bauksit dalam stok simpanan sedia ada dapat dilaksanakan secara terkawal,” katanya kepada pemberita selepas

menghadiri majlis perhimpunan bu-lanan Kementerian di sini semalam. Wan Junaidi berkata, pihak Kuantan Port Consortium sudah melaksanakan penambahbaikan yang menyeluruh terhadap kemudahan Pelabuhan Kuantan supaya sesuai bagi aktiviti pengeksportan bauksit.